

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 24 TAHUN 1973<sup>1</sup>

CUTI TIDAK BERGAJI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI  
PEREMPUAN YANG MENGIKUTI SUAMI MEREKA  
YANG BERTUGAS DENGAN KERAJAAN DI PEJABAT-  
PEJABAT LUAR NEGERI

Saya diarah memaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk memberi kemudahan cuti tidak bergaji kepada pegawai-pegawai perempuan yang ingin mengikuti suami mereka yang ditugaskan berkhidmat di luar negeri menurut syarat-syarat seperti berikut:—

- (a) Tempoh yang dibenarkan adalah dihadkan selama tempoh suami pegawai perempuan itu bertugas di luar negeri. Sebaik sahaja habis tempoh cuti yang dibenarkan, pegawai-pegawai berkenaan dikehendaki melapurkan diri dengan sertamerta kepada Ketua Perkhidmatan/Jabatan masing masing;
- (b) Tempoh cuti tidak bergaji tidak akan diambil kira untuk faedah pencen. Walau bagaimanapun tempoh perkhidmatan sebelum dan selepas cuti berkenaan adalah dianggap bersambung dan bolehlah dicampurkan (aggregated) untuk tujuan pencen;
- (c) Dalam tempoh cuti tidak bergaji pegawai-pegawai berkenaan tidak akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat;
- (d) Bagi pegawai yang diberi cuti tidak bergaji ketika masih dalam percubaan, tempoh percubaannya akan dilanjutkan selama tempoh cuti tidak bergaji yang diluluskan, dan perlanjutan itu berkuatkuasa mulai daripada tarikh yang sepatutnya pegawai itu disahkan dalam jawatan;
- (e) Pegawai-pegawai yang masih terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan (kerana konterek biasiswa atau lain-lain ikatan) akan dibekukan ikatannya selama tempoh cuti tidak bergaji yang diluluskan dan dikehendaki menyempurnakan ikatan/kontreknya itu setelah kembali daripada bercuti;
- (f) Jika keadaan perkhidmatan menghendakki, Kerajaan boleh menamatkan cuti tidak bergaji yang telah diluluskan pada bila-bila masa sahaja.

2. Semua permohonan untuk mendapat cuti tidak bergaji daripada pegawai-pegawai perempuan yang hendak mengikut suami-suami yang ditugaskan di luar negeri akan diluluskan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing jika tempoh cuti itu tidak melebihi 2 tahun pada kali pertamanya. Bagi cuti yang lebih daripada 2 tahun dan cuti yang diambil pada kali yang kedua dan seterusnya, kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah diperolehi. Perhatian pegawai-pegawai yang berkenaan adalah ditarik kepada Perintah Am Bab A 60 yang membolehkan Kerajaan menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai yang bukan dalam perjawatan berpencen dan Perintah Am Bab A 65 yang membolehkan seseorang Suruhanjaya menyarakan seseorang pegawai perempuan yang berkahwin yang telah disahkan dalam jawatannya atau disahkan dan dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen bila-bila masa sahaja jika didapati kedudukan dan tanggungjawabnya sebagai seorang perempuan yang berkahwin mengganggu kecekapannya dalam menjalankan tugas-tugas resminya.

3. Peraturan cuti tidak bergaji ini tidaklah meliputi pegawai-pegawai perempuan yang hendak mengikut suami-suami yang berkhidmat di Sabah atau di Sarawak. Walau bagaimanapun permohonan daripada mereka bolehlah diberi pertimbangan yang sepatutnya oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing berdasarkan merit tiap-tiap permohonan itu.

4. Peraturan mengenai cuti tidak bergaji ini adalah berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1973. Mereka yang telah meletakkan jawatan untuk mengikut suami-suami yang berkhidmat di luar negeri bolehlah memohon menarik balik perletakan jawatan mereka untuk digantikan dengan cuti tidak bergaji dengan syarat pada tarikh 1hb Januari, 1973, dan kemudiannya, suami mereka masih lagi berkhidmat dengan Kerajaan di Pejabat-pejabat Luar Negeri.

5. Jika tempoh cuti tidak bergaji yang diluluskan kepada pegawai-pegawai berkenaan dijangka memakan masa yang tidak kurang daripada satu tahun dan jawatan yang dikosongkan perlu dipenuhi. Jabatan berkenaan bolehlah mengemukakan perakuan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengujudkan jawatan tambahsantara/ sementara selama tempoh yang diperlukan.

6. Peraturan-peraturan dan syarat-syarat cuti tidak bergaji seperti yang tersebut di atas adalah juga dipanjangkan kepada pegawai-pegawai perempuan yang hendak mengikuti suami-suami mereka yang dihantar oleh Kerajaan untuk mengikuti kursus di seberang laut yang mengambil masa lebih daripada 12 bulan.

**DATUK ABDULLAH BIN AYUB,**  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA,**  
**TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,**  
**JALAN SULAIMAN,**  
**KUALA LUMPUR,**  
*18hb September, 1973*

**CATATAN:**

<sup>1</sup> Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1986 mulai 8hb Julai, 1985.